

OIC Bermesyuarat Di KL Bincang Isu Muslim Di Myanmar
Bernama
1 Ogos, 2012

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) akan bermesyuarat di Kuala Lumpur bagi membincangkan cabaran yang dihadapi badan bukan kerajaan (NGO) dalam menghantar bantuan kemanusiaan kepada pelarian Islam yang meninggalkan Myanmar.

Setiausaha Agung OIC Ekmeleddin Ihsanoglu berkata mesyuarat itu bertujuan mendapatkan gambaran situasi sebenar di Myanmar dan membincangkan kaedah untuk menghantar bantuan selain menentukan jenis bantuan yang diperlukan.

Mesyuarat akan dihadiri perwakilan daripada lebih 20 NGO kemanusiaan, katanya dalam kenyataan. Bagaimanapun kenyataan itu tidak menyatakan tarikh mesyuarat tersebut.

Ihsanoglu juga berkata OIC yang dianggotai 57 negara itu akan mengadakan mesyuarat luar biasa Perwakilan Tetap Jawatankuasa Eksekutifnya bagi membincangkan isu masyarakat Islam Myanmar di ibu pejabat OIC di Jeddah pada 5 Ogos ini.

Ketua Pengarah Kesatuan Arakan Rohingya Dr Wakar Uddin dijangka hadir pada mesyuarat itu. Kesatuan itu yang ditubuhkan pada Mei 2011 memayungi 25 NGO dan persatuan yang mewakili kaum minoriti Rohingya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=684869>

